

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



PERDANA Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kiri), berbincang dengan Presiden Chun Doo-Hwan dari Korea Selatan di Istana Presiden, di Seoul, semalam. — Gambar AP.

# Perdana Menteri ajak Korea Selatan jadi rakan pembangunan

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak Republik Korea menjadi rakan pembangunan dengan menambakan pelaburan dan memindahkan teknologinya ke Malaysia.

Perdana Menteri kemudian mengesyorkan supaya Korea memindahkan teknologi yang menggunakan banyak tenaga pekerja menerusi projek usahanya.

"Kami berharap supaya Korea, sebuah negara maju yang baru muncul, memindahkan teknologi bermutu tinggi kepada negara-negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian di jamuan perdana yang diberikan oleh Presiden Chun Doo Hwan di sini malam ini.

Perdana Menteri kemudian mengucapkan terima kasih kepada Presiden Chun kerana menawarkan lebih banyak bantuan kewangan dan teknikal menerusi projek usahanya di Malaysia.

Kini, banyak syarikat swasta Korea menyertai pelbagai projek raksasa di Malaysia, seperti Syarikat Hyundai dalam projek Jambatan Pulau Pinang, Syarikat Sambu Construction membuat lebuh raya dan

## SEOUL, Selasa

Syarikat Keang Nam membuat bangunan ibu pejabat Malayan Banking setinggi 55 tingkat di Kuala Lumpur.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu belajar dari Korea mengenai cara-cara membangunkan negara dan mengubah sikap rakyat supaya rajin serta bekerja keras.

"Itulah sebabnya kami memilih Jepuh dan Korea Selatan sebagai sasaran pandang ke Timur untuk diteladani," jelasnya.

Dasar itu, kata beliau, tidak bermakna Malaysia memaksa Korea memberi bantuan.

"Kami cuma ingin belajar cara Korea bekerja," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, usahanya Malaysia-Korea dan negara membangun lain boleh menyaingi pasaran negara-negara maju.

"Kita boleh menggunakan bahan-bahan mentah yang ada dan tenaga buruh untuk menghadapi saingan dengan negara maju," katanya lagi.

Selain itu, jelas Perdana Menteri, penam-

bahan pelaburan Korea ke Malaysia juga menguntungkan Korea dan syarikat negara itu yang menyertai pelbagai projek di Malaysia.

Malaysia, katanya, turut menikmati faedahnya termasuk menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat yang mungkin boleh mengurangkan kadar pengangguran.

Di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga memberitahu Presiden Chun mengenai rantau Asean — aman, bebas dan berkecuali — pergolakan di Vietnam, Afghanistan dan kesengsaraan rakyat Palestin.

Sementara itu, dalam pertemuan empat mata dengan Presiden Chun sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pertemuan itu amat berguna, terutama dalam usaha meningkatkan kerjasama di bidang ekonomi.

Beliau berkata, pelbagai perkara kepentingan bersama dibincangkan, termasuk dasar pandang ke Timur.

Beliau gembira kerana Korea, di bawah pimpinan Presiden Chun, sedia membantu Malaysia menjayakan dasar itu, termasuk memberi peluang latihan kepada pelajar-pelajar Malaysia.